

Headline	Pusat urut sebar penyakit seks		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	363 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,065



Pusat urut sebar penyakit seks

KUALA LUMPUR: Pekerja seks dari China yang menghidap Aids atau HIV mudah dilanggan di sebahagian besar pusat urut atau spa di seluruh negara yang turut menawarkan khidmat seks, terutama di Lembah Klang dan bandar besar lain.

Ini menyebabkan lelaki tempatan yang gemar pelanggan wanita terbabit mudah dijangkiti virus HIV sebelum menyebarkannya kepada dan pasangan sah masing-masing.

Tinjauan Metro Ahad di beberapa pusat urut dan spa sekitar ibu kota mendapati kebanyakannya menawarkan khidmat 'China Doll', cuma pendekatan digunakan berbeza.

Sebahagian besar premis menayangkan 'amoi' masing-masing secara terus kepada pelanggan, tetapi ada juga premis yang perlu dipesan terlebih dulu.

Sebagai contoh, tinjauan di sebuah premis di ibu kota malam Khamis lalu mendapati 10 wanita berusia awal 20-an dari China menawarkan khidmat seks kepada pelanggan.

Mereka diminta berbaris di depan pelanggan kira-kira lima minit sebelum dipilih. Bagaimanapun, premis terbabit turut menyediakan wanita dari negara lain selain wanita tempatan.

"Encik mau mandi dulu atau macam mana? Rehat dulu boleh, mandi terus pun boleh, sila duduk mau minum apa," itulah pelawaan kakitangan spa terbabit kepada pengunjung.

Pengunjung diminta memasukkan barangan berharga dalam peti besi dan menyimpan satu daripada anak kuncinya sebelum berehat di ruang disediakan bagi menjejukkan badan.

Beberapa minit selepas itu, pengunjung dipelawa me-

nyalin pakaian dan diberikan seluar pendek untuk membersihkan badan dan mandi di ruang jakuzi yang disediakan selama mana diin-gini.

Selepas hampir 30 minit mandi, kebanyakan pengunjung menyalin pula baju nipis yang menutupi bahagian badan dan kembali di ruang disediakan dan di sini mereka boleh memilih untuk bersantai sambil menonton filem di 'pawagam mini' atau makan mengikut menu disediakan.

Ketika inilah seorang kakitangan pusat berkenaan mula mempelawa pengunjung mendapatkan khidmat mengurut antara RM90 hingga RM110 atau pakej penuh RM210.

"Encik mahu yang mana, pakej atau urut. Ambil pakejlah, encik rileks-rileks boleh urut sama manja-manja dia boleh kasi servis," katanya.



PENUHI PERMINTAAN... wanita Afrika turut menjaja tubuh

Headline	Pusat urut sebar penyakit seks		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	363 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,355
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,065

Isteri jadi mangsa

KUALA LUMPUR: Sudahlah berdosa besar kerana membelakangi ajaran agama, golongan lelaki termasuk suami yang gemar melanggan pekerja seks untuk memuaskan nafsu bukan saja berdepan kemungkinan dijangkiti HIV/Aids, malah boleh dijangkiti sekurang-kurangnya dua lagi penyakit kelamin, selain menyebabkan pasangan sahnya terdedah risiko barah pangkal rahim.

Pakar Perunding Perbidanan dan Sakit Puan Hospital Pakar Islam Kampung Baru,

Dr Rosilawati Abdul Ghani berkata, selain Aids, jangkitan beberapa lagi penyakit kelamin boleh berlaku kerana suami berperanan sebagai pembawa memindahkan bakteria berkenaan ketika menjalin hubungan kelamin bersama isteri.

Katanya, lelaki terbabit dan pasangan sahnya berisiko menghidap penyakit kelamin seperti Herpes dan Gonorea, manakala pasangannya terdedah kepada risiko barah pangkal rahim, seandainya individu melanggan pelacur.